

**UCAPAN KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR DI MAJLIS  
PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG JABATAN ALAM SEKITAR TAHUN 2004**

**BISMILLAH RAHMANI RAHIM.**

**ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.**

**YANG MULIA PENGERUSI MAJLIS,**

**YANG BERBAHGIA TIMBALANTIMBALAN KETUA PENGARAH,**

**YANG BERUSAHA PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN DAN  
PENGARAH-PENGARAH NEGERI**

**TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN SEMUA HADIRIN YANG  
DIHORMATI.**

- 1. ALHAMDULLILAH RABBIL 'ALAMIN, BERSYUKUR KITA  
KEHADIRAT ALLAH SUBHANAWUWATA'ALA KERANA DIATAS  
KEIZINANNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERHIMPUN DI  
DALAM MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
JABATAN ALAM SEKITAR BAGI TAHUN 2004.**
- 2. MAJLIS INI DIADAKAN DENGAN TUJUAN UNTUK  
MENYAMPAIKAN PENGHARGAAN KEPADA ANGGOTA JABATAN  
YANG TELAH MEMBERIKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG.  
IAITU PERKHIDMATAN YANG MUTU DAN PENGHASILANNYA  
MELEBIHI KEPERLUAN TANGGUNGJAWAB BIASA  
JAWATANNYA. IA BOLEH DIJADIKAN TAULADAN DAN MEMBERI  
PENGARUH MENGERAK KECERGASAN BEKERJA DAN DAYA  
USAHA ORANG LAIN. PERTIMBANGAN DAN PEMILIHAN ADALAH  
BERPANDUKAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN DAN  
BERASASKAN SUMBANGAN ANGGOTA KEPADA ORGANISASI,  
PERKHIDMATAN AWAM, KOMUNITI, DAERAH, NEGERI, NEGARA  
DAN PERINGKAT ANT ANTARABANGSA.**
- 3. DI DALAM MAJLIS INI JUGA KITA MENGAMBIL  
KESEMPATAN UNTUK MERAIKAN ANGGOTA YANG TELAH  
DIBERIKAN PERGERAKAN GAJI SECARA ANJAKAN. ANJAKAN**

**GAJI IALAH PERGERAKAN GAJI DARIPADA MATAGAJI SEMASA KE MATAGAJI DI TANGGA BERIKUTNYA PADA SATU PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI. MEREKA YANG DIPERTIMBANGKAN UNTUK ANJAKAN GAJI IALAH ANGGOTA YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN, BERKHIDMAT TIDAK KURANG DARIPADA TIGA TAHUN, MELEPASI TAHAP KECEKAPAN YANG DITENTUKAN (ARAS CEMERLANG), MENCAPI TAHAP PRESTASI YANG BAIK DAN DIPERAKUKAN OLEH KETUA JABATAN.**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

**4. INGIN SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN DISINI UNTUK MENYATAKAN PENGHARGAAN TERIMA KASIH SAYA KEPADA SELURUH ANGGOTA JAS KERANA TELAH BERUSAHA MENJALANKAN TUGAS DENGAN BAIK SEPANJANG TAHUN 2004 YANG LALU. NAMUN DEMIKIAN, TUNTUTAN KEPADA PERANAN MENJAGA KESEJAHTERAAN ALAM SEKITAR TERHADAP JABATAN KITA SEMAKIN MENINGKAT, SELARI DENGAN PENINGKATAN KESEDARAN ORANG RAMAI TENTANG KEPENTINGAN ALAM SEKITAR. ADA SAHAJA ISU DAN MASALAH BERKAIT DENGAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR ORANG AKAN MELIHAT KEPADA JABATAN INI. SEBABNYA MUDAH, IAITU KERANA JABATAN KITA INI DINAMAKAN JABATAN ALAM SEKITAR. KEPADA KITA TUGAS INI CUKUP MENCABAR KERANA SKOPNYA LUAS DAN BERBAGAI. OLEH ITU KITA SEMUA MESTILAH SENTIASA BERTANGGUNJAWAB UNTUK MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK KEARAH MEMASTIKAN BAHAWA ALAM SEKELILING KITA ADALAH BERSIH DAN SELAMAT UNTUK DIDIAMI OLEH SEMUA HIDUPAN.**

**5. KEPADA ANGGOTA JAS YANG MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN YANG MENDAPAT ANJAKAN GAJI SAYA UCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS. SAYA YAKIN DAN PERCAYA BAHAWA KEJAYAAN SAUDARA-SAUDARI TENTUNYA TERHASIL DARIPADA USAHA YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN BERTERUSAN DALAM MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB YANG DIAMANAHKAN DENGAN PENUH KESEDARAN DAN KEINSAFAN. SEMUGA CIRI-CIRI KECEMERLANGAN YANG SAUDARA-SAUDARI HASILKAN MENJADI DORONGAN DAN**

IKUTAN KEPADA ANGGOTA LAIN. PERKARA INI AMAT DI TUNTUT. SABDA RASULLULAH S.A.W YANG BERERTI:

*“SESIAPA MEMULAKAN SESUATU AMALAN, LALU AMALAN ITU DITELADANI OLEH ORANG LAIN, MAKA BAGINYA PAHALA AMALAN ITU DAN PAHALA AMALAN ORANG-ORANG YANG MENCONTOHINYA.” (RIWAYAT MUSLIM DAN JARI)*

6. NAMUN BEGITU HENDAKLAH KITA BERINGAT, KEJAYAAN INI BUKANLAH BERMAKNA SAUDARA-SAUDARI ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA RAKAN-RAKAN KITA LAIN YANG TIDAK TERPILIH. HANYA MUNGKIN SAUDARA-SAUDARI TELAH DIGERAKKAN UNTUK DIPILIH DAN DIUJI OLEH ALLAH S.W.T, TUHAN YANG MAHA MENGUASAI SEGALANYA. JADI BERSYUKURLAH MENERIMA KEJAYAAN INI DENGAN KITA MENJAGA PERKARA-PERKARA YANG DIAMANAHKAN BERPANDUKAN KEPATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG DISEDIAKAN. INGATLAH FIRMAN ALLAH TA'ALA YANG BERMAKSUD:

*“INI ADALAH DARI LIMPAH KURNIA TUHANKU, UNTUK MENGUJIKU ADAKAH ATAU AKU BERSYUKUR ATAU AKU TUDAK MENGNANGKAN NIKMAT PEMBERIAN NYA.”*

(SURAH AL- NAML 27 : 40)

7. SEBALIKNYA KEPADA ANGGOTA YANG TIDAK DIPILIH MENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG JANGANLAH PULA MERASA BAHAWA PERKHIDMATAN SAUDARA-SAUDARI TIDAK BERMAKNA KEPADA JABATAN. SEBENARNYA ADALAH SATU TUGASAN YANG BUKAN MUDAH UNTUK MEMUTUSKAN CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH INI. APA PUN KEPUTUSAN YANG DIBUAT PASTINYA MENIMBULKAN PERSOALAN. NAMUN PANEL YANG MENIMBANGKAN PENCALONAN TELAH SEBAIK MUNGKIN MELIHAT PELBAGAI SUDUT DALAM ASAS MEMBUAT PEMILIHAN. OLEH ITU KITA YANG TIDAK DIPILIH HENDAKLAH MERENUNG KEMBALI TENTANG KEKURANGAN ATAU KELEMAHAN KITA. JANGAN KITA SEKALHKALI; MENARUH SYAK WASANGKA BURUK TERHADAP ORANG LAIN, MENGHITUNG KELEBIHAN KITA BERBANDING ORANG LAIN DAN MENYEBUT-MENYEBUT

**ATAU MENGUNGKIT KELEMAHAN ATAU KEAIBAN ORANG LAIN.  
PERKARA SEBEGINI ADALAH DITEGAH.**

**FIRMAN ALLAH TA'ALA YANG BERMAKSUD:**

***“MAKA JANGANLAH KAMU MEMUJI-MUJI DIRI KAMU (BAHAWA KAMU BERSIH DARIPADA DOSA). DIALAH SAHAJA YANG LEBIH MENGETAHUI AKAN ORANG YANG BERTAKWA.”***

**(SURAH AL-NAJM 53 : 32)**

***“WAHAI ORANG YANG BERIMAN! JAUHILAH KEBANYAKAN DARI SANGKAAN (SUPAYA KAMU TIDAK MENYANGKA DENGAN SANGKAAN YANG DILARANG) KERANA SESUNGGUHNYA SEBAHAGIAN DAIPADA SANGKAAN ITU ADALAH DOSA, DAN JANGANLAH KAMU MENIGINTIP ATAU MENCARI-CARI KESALAHAN DAN KEAIBAN ORANG DAN JANGAN SETENGAH KAMU MENGUMPAT SETENGAH YANG LAIN. ADAKAH SEORANG DARI KAMU SUKA MEMAKAN DAGING SAUDARANYA YANG TELAH MATI? (JIKA DEMIKIAN KEADAAN MENGUMPAT) MAKA SUDAH TENTU KAMU JIJIK KEPADANYA (OLEH ITU PATUHILAH LARANGAN-LARANGAN TERSEBUT).***

**(SURAH AL- HUKARAT 49 : 12)**

**SABDA RASULULLAH S.A.W YANG BERERTI:**

***“ORANG MUKMIN BUKANLAH TUKANG MENGHINA ATAU MENGUMPAT ATAU KEJI MULUT ATAU (KEJI) PERBUATAN.”***

**(RIWAYAT AL-TIRMIZI)**

***“SETIAP ORANG ISLAM TERHADAP ORANG ISLAM YANG LAIN DIHARAMKAN DARAHNYA, HARTANYA DAN KEHORMATANNYA.” (RIWAYAT MUSLIM)***

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

**7. PENJANA UTAMA KECEMERLANGAN SESEBUAH ORGANISASI ADALAH DIDOKONG OLEH SUMBER MANUSIA YANG MENGANGGOTAI ORNANISASI TERSEBUT. SUMBER-SUMBER LAIN SEPERTI KEWANGAN, PERALATAN DAN PERSEKITARAN ADALAH SUMBER KEDUA YANG MENYOKONG**

DAN MENYUMBANG KEPADA KECEMERLANGAN. MANUSIA YANG HATINYA HIDUP AKAN BERSIKAP AKTIF, POSITIF DAN DINAMIK DAN BOLEH MEMACU ORGANISASI MENUJU KECEMERLANGAN. KALAU JASAD SAHAJA HIDUP SEDANGKAN HATINYA MATI, MANUSIA AKAN MEMBAWA BANYAK MASALAH KEPADA ORGANISASI. MANUSIA DALAM KELOMPOK INI AKAN BEKERJA SEPERTI PAHAT DENGAN PEMUKUL. IA AKAN BEKERJA JIKA DIAWASI DAN KERJA YANG DIBUAT DISELITKAN HARAPAN UNTUK PUJIAN DAN BALASAN KEBENDAAN; YAKNI ADA UDANG DISEBALIK BATU. PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIFAT DAN SIKAP SEPERTI NI TIDAK MENGUNTINGKAN ORGANISASI, SEBALIKNYA MENJADI PUNCA KEMUSNAHAN ORGANISASI.

8. SEJARAH TELAH MEMBUKTIKAN KEPADA KITA BAHAWA KEJAYAAN DAN KEGAGALAN YANG DICAPAI OLEH SESEBUAH ORGANISASI SAMA BERBENTUK KELOMPOK MASYARAKAT, BANGSA DAN NEGARA BERHUBUNG KAIT DENGAN PENGAMALAN AKHLAK (ATAU ETIKA) BAIK DI KALANGAN INDIVIDU YANG MENJADI ANGGOTANYA.

9. KITA TAHU, ADA NEGARA YANG MEMILIKI KEKAYAAN SUMBER ALAM TETAPI TERUS BERADA DALAM KEADAAN MUNDUR DAN MISKIN. SEBALIKNYA ADA NEGARA YANG TIDAK MEMILIKI KEKAYAAN SUMBER ASLI (SEPERTI JEPUN, KOREA SELATAN DAN SINGAPURA) TERUS MENEMPA KEMAJUAN PEMBANGUNAN EKONOMI DENGAN PESAT . DEMIKIAN JUGA KEGEMILANGAN TAMADUN DUNIA YANG PERNAH DICAPAI OLEH KERAJAAN PARSIS, ROM, YUNANI DAN TAMADUN ISLAM SUATU KETIKA DULU. FAKTOR PENTING PENYUMBANG KEPADA KEMAJUAN DAN KEGEMILANGAN TERSEBUT IALAH KUALITI SUMBER MANUSIA, YAKNI RAKYAT DAN PEKERJA YANG DIKETAHUI MENGAMALKAN ETIKA BERLANDASKAN NILAI-NILAI AKHLAK MURNI SEPERTI RAJIN, BERDISIPLIN, AMANAH, TEKUN, BERANI, GIGIH, BERPANDANGAN JAUH SEDIA MENGHADAPI RISIKO, TIDAK MENGHARAPKAN KEJAYAAN DENGAN CARA MUDAH, TAAT KEPADA KETUA DAN SEBAGAINYA.

10. SEBALIKNYA, KEREPUTAN DAN KEMEROSOTAN AKHLAK PARA ANGGOTA ORGANISASI BOLEH MENYUMBANG KEPADA

**KEMUSNAHAN. CONTOH YANG BOLEH KITA JADIKAN IKTIBAR IALAH KERUNTUHAN TAMADUN ISLAM DI ANDALUSIA, DI INDIA DAN DI TURKI, BERPUNCA ANTARA LAIN KERANA GAYA HIDUP GOLONGAN YANG BERKUASA MENGUTAMAKAN KEMEWAHAN, KESERONOKAN DAN KEKUASAAN. BEGITULAH JUGA DENGAN KEJATUHAN KERAJAAN MELAYU MELAKA SELEPAS KEMATIAN BENDAHARA TUN PERAK ADALAH DIAKIBATKAN OLEH KEMEROSOTAN AKHLAK PARA PEGAWAI KERAJAAN. MISALNYA SEPERTI TUN PERPATIH YANG MENGGANTIKAN TUN PERAK, SEORANG PEMBOROS. TUN MUTHAHIR SELEPAS ITU SEORANG YANG MEMENTINGKAN KEMEWAHAN KEWANGAN, SOMBONG DAN MENGABAIKAN TANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT SEHINGGA MENYEBABKAN MELAKA DENGAN BEGITU MUDAH DIJAJAH PORTUGIS.**

**11. MEYEDARI PENTINGNYA MEMILIKI SUMBER MANUSIA BERKUALITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM, KERAJAAN BERTERUSAN BERUSAHA MENJADIKAN PENJAWAT AWAM DAN PERKHIDMATAN AWAM SENTIASA BERUPAYA MEMBERIKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG. DI SINI SUKA SAYA MENYEBUTKAN BEBERAPA PROGRAM YANG TELAH DILAKUKAN KERAJAAN SUPAYA DAPAT DIRUJUK, DITERAP, DIKUTI DAN DIAMALKAN SEMASA MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PENJAWAT AWAM, SEPERTI:**

- A) PENERBITAN BUKU PERKHIDMATAN CEMERLANG (1979);**
- B) PENGGUNAAN KAD PERAKAM WAKTU (1981);**
- C) KEMPEN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH(1982);**
- D) DASAR PANDANG KE TIMUR (1982);**
- E) PEMAKAIAN TANDA NAMA (1983);**
- F) KEMPEN KEPIMPINANA MELALUI TELADAN (1983);**
- G) DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM(1985);**
- H) PEWUJUDAN PANEL MEMAJUKAN PENTADBIRAN AWAM (1986);**
- I) KEMPEN ETIKA KERJA ISLAM (1987);**
- J) GERAKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG(1989);**
- K) MEMPERKENALKAN SYSTEM BELANJAWAN DIUBAHSUAI(1990);**
- L) SISTEM INSPEKTORAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM(1991);**

- M) BUKU PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993;
- N) PENYEDIAAN BORING AKU JANJI (2003);
- O) PELANCARAN PELAN INTEGRITI NASIONAL(2004);
- P) PELANCARAN ISLAM HADARI (2004)
- Q) KEMPEN AMALAN BUDAYA CEMERLANG (2005)
- R) PENYEDIAAN PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM(1991 – 2005)

12. SELANJUTNYA SAYA JUGA INGIN MENYENTUH MENGENAI PENTINGNYA KITA SEMUA MEMPUNYAI RASA KETAATAN KEPADA ORGANISASI YANG DI MANA KITA ADALAH ANGGOTANYA. KETAATAN KEPADA ORGANISASI INI MERUJUK KEPADA KETAATAN PEKERJA KEPADA KETUA (BUKAN DALAM PERKARA MUNGKAR). KETAATAN INI BOLEH DIBAHAGIKAN KEPADA DUA BENTUK IAITU; KESETIAAN KEPADA ORGANISASI DAN KEPATUHAN KEPADA ORGANISASI.

13. KESETIAAN KEPADA ORGANISASI BOLEH DIERTIKAN SEBAGAI TIDAK BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN YANG BOLEH MENIMBULKAN RISIKO BESAR KEPADA ORGANISASI, TIDAK BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN YANG BOLEH MEMBAWA KERUGIAN ORGANISASI, TIDAK BOLEH MEMBELAKANGKAN KEPENTINGAN ORGANISASINYA DEMI KEPENTINGAN ORGANISASI LAIN SEPERTI MEMBEKALKAN MAKLUMAT RAHSIA KEPADA ORGANISASI PESAING ATAU BEKERJA DENGAN DUA ORGANISASI BERBEZA DALAM SATU-SATU MASA.

14. KEPATUHAN KEPADA ORGANISASI BOLEH DIERTIKAN SEBAGAI MEMATUHI DASAR DAN PERATURAN ORGANISASI. PELANGGARAN TERHADAP DASAR DAN PERATURAN TERSEBUT BOLEH MENYEBABKAN ORGANISASI MENJADI KACAU BILAU DAN ORGANISASI BOLEH MUSNAH.

15. SEPERKARA LAGI YANG INGIN SAYA KONGSI BERSAMA DENGAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN IALAH MENGENAI PERANAN KITA SEBAGAI INDIVIDU DALAM SESUATU ORGANISASI. SEBAGAI INDIVIDU KITA SEBENARNYA JUGA ADALAH BERPERANAN SEBAGAI PEMIMPIN, PENTADBIR DAN PENGURUS. SEKURANG-KURANGNYA KITA MESTI MEMIMPIN, MENTADBIR DAN MENGURUS DIRI KITA SENDIRI.

**16. TANGGUNGJAWAB JAWATAN PEMIMPIN, PENTADBIR ATAU PENGURUS AMATLAH BERAT DAN MEMBAWA KEPADA BANYAK PENYESALAN SEKIRANYA TIDAK LAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA. SABDA RASULLULAH S.A.W:**

***“SESUNGGUHNYA JAWATAN ITU ADALAH AMANAH DAN SETIAP AMANAH ITU AKAN DISOAL PADA HARI KIAMAT KELAK. RAMAI ORANG AKAN MENYESAL KERANANYA, KECUALI MEREKA YANG TELAH MENJALANKAN TUGAS DENGAN IKHLAS DAN JUJUR.”*** (HADITH RIWAYAT MUSLIM)

**17. BAGI MENJAMIN UNTUK MENJADI PEMIMPIN DAN PENGURUS YANG BERJAYA DAN CEMERLANG SETIAP KITA PERLUHA MEMILIKI SIFAT-SIFAT DAN KELAKUAN YANG BERINTEGRITI.**

**18. SEORANG PEMIMPIN HENDAKLAH: BOLEH DIPERCAYAI KERANA AMANAHNYA (AMIN); BENAR DALAM TUTUR KATA DAN PERBUATAN (SIDDIQ); BIJAKSANA IAITU MEMILIKI SIKAP, PERBUATAN DAN PERCAKAPAN BERDASARKAN ILMU (FATHONAH); DAN BERUPAYA MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN (TABLIGH).**

**19. SEORANGKUN PENGURUS HENDAKLAH: IA MENYERAHKAN SEGALA PELAKUANNYA KEARAH MENGABDIKAN DIRI SEMAMATA KEPADA ALLAH S.W.T. (UBUDIYAH); APABILA MELAKUKAN KERJA MESTILAH MELAKUKANNYA DENGAN BETUL ATAU SEMPURNA, BUKAN BERTUJUAN JAHAT DAN MENIPU (MAS'ULIAH); PELAKSANAAN DAN PENYEMPUNAAN KERJA DILAKUKAN DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN BERUSAHA MEMPERBAIKI PRESTASI AGAR LEBIH BAIK DARIPADA SEBELUMNYA SERTA KERJA DILAKUKAN SECEPAT MUNGKIN TANPA KECACATAN YANG DISENGAJAKAN (ITQAAN); DAN MERASA BERPUAS HATI DENGAN REZEKI YANG DIBERIKAN ALLAH KEPADANYA YAKNI PANGKAT DAN STATUS BUKANLAH OBJEKTIF HIDUPNYA SERTA PERCAYA DAN YAKIN BAHAWA GANJARAN SETIMPAL AKAN DIPEROLEHI DI AKHIRAT, KERANA ITU TIDAK MERUNGUT DAN MERASA KECEWA JIKA TIADA PENGHARGAAN SEWAJARNYA DARIPADA PIHAK ATASAN.**

**20. DALAM PADA ITU TIDAK KURANG PENTING, SETIAP ORANG YANG MAHU BERSAING DALAM PASARAN KERJA HARUS MEMASTIKAN KESIHATAN DIRI BERADA PADA TAHAP DIRI YANG BAIK DAN MEMPUNYAI STAMINA BADAN YANG TINGGI. SEPERTI KATA Y.A.B. PERDANA MENTERI SEMASA BERUCAP DALAM PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN PERDANA MENTERI PADA 6 SEPT LALU;**

***“KALAU PUN KITA PANDAI TETAPI SELALU SAKIT HINGGA DATANG KE PEJABAT SEMINGGU HANYA EMPAT HARI SAJA KERANA TIGA HARI LAGI CUTI SAKIT, ATAU PENUH DENGAN SIJIL SAKIT, NAK BUAT APA. PANDAI TAPI BADAN LEMAH TAK MAMPU BUAT KERJA APA... ITU TAK GUNA. KITA PERLUKAN KEKUATAN INTELEK, JASMANI DAN MORAL. BARU BOLEH JADI BERWIBAWA DAN TOWERING MALAYS.”***

**21. ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA AGAR SETIAP ANGGOTA JAS SENTIASA MENGEJAR KECEMERLANGAN DIRI MENERUSI PENGAMALAN KEHIDUPAN BERAMAL. SEBAGAI RENUNGAN KITA BERSAMA SAYA PETIK KATA-KATA PENDITA ZA'ABA;**

***“KEHIDUPAN KITA DALAM DUNIA INI IALAH KEHIDUPAN BERAMAL ATAU BEKERJA, KEHIDUPAN BERJUANG DAN BERLAWAN-LAWAN SEPERTI DALAM PERLUMBAAN . TIAP-TIAP SEORANG HENDAKLAH MENJALANKAN BAHAGIANNYA SENDIRI DENGAN TIDAK BERGANTUNG KEPADA ORANG AKAN MENJALANKANNYA, TIDAK BERHARAP KEPADA PERTOLONGAN ORANG AKAN MENYEMPURNAKANNYA. IA SENDIRI MESTILAH MERASAKAN BERTANGGUNGJAWAB BAGI MENYEMPURNAKAN KEWAJIBAN DIRINYA DAN TANGGUNGAN DIRINYA DALAM PERJUANGAN DAN PERLUMBAAN ITU. MAKA YANG AKAN MENANG DALAM PERLUMBAAN ITU HANYALAH ORANG TETAP TEKUN DAN SABAR MENJALANKAN KERJA-KERJA KEWAJIBANNYA ITU DENGAN BERGANTUNG KEPADA IKHTIAR DAN DAYA UPAYA DIRINYA SENDIRI DAN MEMOHON PERTOLONGAN HANYA KEPADA ALLAH SAHAJA.”***

**22. AKHIR KATA SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN MAJLIS PADA PAGI INI.**

**SEKIAN, WABILLAHITTAUFIQWALHIDAYAH  
WASSALAMU'ALAIKUMWARAHMATULLAHIWABARAKATUH.**

***15 SEPT 2005  
JAS, PUTRAJAYA***